

Sokongan negeri lain perlu diambil kira: Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin — Calon-calon yang bertanding merebut jawatan Naib Presiden dan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak boleh mengharapkan sokongan dari negeri sendiri sahaja untuk mencapai kemenangan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Presiden Umno itu berkata, calon-calon perlu mendapat sokongan perwakilan dari negeri-negeri lain.

"Sekarang ini kita suruh setiap mesyuarat perwakilan Umno bahagian dibuka oleh ketua bahagian masing-masing. Jadi tentulah calon yang nak bertanding membuat pengumuman. Begitu juga jika sesuatu bahagian itu ingin mencalonkan seseorang.

"Bagaimanapun, kalau seseorang itu disokong oleh satu negeri sahaja, dia tidak boleh menang. Dia kenalah mendapat sokongan dari negeri lain. Setakat dia nak bagi nama (mengu-

mumkan untuk bertanding), tidak menjadi masalah," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai beberapa Badan Perhubungan Umno Negeri yang menyenaraikan beberapa nama untuk bertanding merebut tiga kerusi Naib Presiden dan 25 jawatan MT Umno.

Setakat ini Badan Perhubungan Umno Johor dan Kedah mengumumkan senarai pemimpin Umno dari negeri masing-masing untuk bertanding dalam pemilihan di Perhimpunan Agung Umno 29 November ini.

Ditanya mengenai tindakan badan perhubungan negeri yang membuat pengumuman itu seolah-olah meminta bahagian Umno di negeri masing-masing menyokong calon dari negeri sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Yang itu saya tidak tahu dan kita perlu menyasak dahulu sama ada betul atau tidak."

Ditanya sama ada Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak akan terus dikekalkan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno atau sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata soal itu bukan beliau menentukan.

"Walaupun Presiden yang melantik jawatan itu, buat masa ini kita belum buat apa-apa keputusan mengenainya," kata beliau.

Kepada satu soalan lain, Perdana Menteri berkata, jika Parti Bersatu Sabah (PBS) boleh bermegah selepas keluar daripada Barisan Nasional (BN) kerana bebas menyuarakan pendapat di Dewan Rakyat, BN juga bera-sa demikian.

Semalam, Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata, dengan menjadi pembangkang, parti itu dapat mendongakkan kepala dan berjalan megah menyuarakan pendapatnya di Dewan Rakyat.